

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(I)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM  
YB. SATEES A/L MUNIANDY**

12. Bagaimanakah Kerajaan Negeri akan menyokong pengezonan Kawasan Bagan Luar sebagai Zon Seni dan Budaya oleh MBSP?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri akan memberi peruntukan untuk membina satu arca Zon Seni Budaya di Lorong Bagan Luar 2?

**YB. YEOH SOON HIN MENJAWAB  
BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

12. Kerajaan Negeri menyokong pengezonan kawasan Bagan Luar sebagai Zon Seni dan Budaya dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:-
- (i) Majlis Penuh MBSP pada bulan Oktober 2019 telah meluluskan Kertas Cadangan Penjenamaan Zon Seni dan Budaya Butterworth Art Walk;
- (ii) Melaksanakan projek menaik taraf *back lane* dan *side lane* Butterworth Art Walk. Fasa I, II dan III bagi projek tersebut telah siap sepenuhnya, manakala Fasa IV dan V sedang dalam perancangan; dan
- (iii) Menganjurkan program komuniti yang berbentuk kesenian dan kebudayaan seperti *Butterworth Fringe Festival*, *Penang International Food Festival*, Temasya Bagan, Program Kanak-Kanak Wilayah Utara dan sebagainya.
- (a) Kerajaan Negeri mengalu-alukan cadangan pembinaan satu arca Zon Seni Budaya di Lorong Bagan Luar 2

daripada semua pihak khususnya ADUN dalam membangunkan kesenian dan kebudayaan Pulau Pinang. Kerajaan Negeri akan meneliti permohonan projek dan membuat penilaian sebelum dapat mempertimbangkan peruntukan. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga sedang mengkaji dan meninjau satu rangka *blueprint* untuk Pulau Pinang secara amnya termasuk kawasan Bagan Luar yang juga akan dikaji potensinya.